

**PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) TAHUN 2021 SIRI 2
MENGENAI AKTIVITI JABATAN/AGENSI NEGERI DAN
PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN NEGERI SEMBILAN**

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi buku Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2021 Siri 2 mengenai Aktiviti Jabatan/Agenzi dan Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri Sembilan. LKAN ini melaporkan tiga tajuk pengauditan iaitu dua tajuk di bawah pengauditan prestasi mengenai aktiviti jabatan/agenzi negeri dan satu tajuk pengauditan pematuhan jabatan negeri seperti berikut:

1.1. Pengauditan Prestasi

a. Pencapaian Output

Kajian ini melaporkan aspek pencapaian output, pencapaian keberhasilan dan pengurusan aktiviti seperti berikut:

i. Pengurusan Tanah Rizab Melayu

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan pencapaian TRM adalah memuaskan dari aspek peratusan TRM tetapi kurang memuaskan dari aspek pengurusan TRM. Sehingga tahun 2021, keluasan TRM adalah 226,402.67 ha atau 34% berbanding 665,709 ha keluasan tanah Negeri Sembilan. Seluas 2,178.68 ha TRM telah dibatalkan dan seluas 4,216.92 ha tanah telah diganti sebagai Rizab Melayu iaitu melebihi seluas 2,038.24 ha atau 93.5%.

ii. Pengurusan Pembangunan Hartanah Perumahan

Pengurusan pembangunan hartaanah perumahan yang dilaksanakan telah mencapai objektif iaitu meningkatkan kemampuan pemilikan perumahan di kalangan masyarakat dan memastikan pembangunan perumahan yang seimbang. Sehingga tahun 2020, sebanyak 288,525 unit stok rumah yang sedia ada di Negeri Sembilan. Agenzi negeri menyumbang sebanyak 8,816 (3.1%) unit rumah berbanding stok rumah sedia ada di Negeri Sembilan. Selain itu, prestasi jualan rumah adalah antara 39.8% hingga 100%.

b. Pencapaian Keberhasilan

i. Pengurusan Tanah Rizab Melayu

Analisis Audit terhadap data SPTB mendapati pegangan hak milik TRM adalah sejumlah 119,646 hak milik sehingga bulan April 2022 manakala

empat kegunaan TRM ialah pertanian, bangunan, status tidak dinyatakan dan perindustrian.

ii. Pengurusan Pembangunan Hartanah Perumahan.

Pemilikan dan kuota Bumiputera adalah selaras dengan peruntukan yang telah ditetapkan oleh Dasar Perumahan Negeri Sembilan (DPNS). Selain itu, 95.1% pembeli rumah juga berpuas hati dengan pembangunan Perumahan Penjawat Awam Negeri Sembilan (PPANS).

c. Pengurusan Aktiviti

i. Pengurusan Tanah Rizab Melayu

Penemuan utama Audit bagi aspek pengurusan aktiviti adalah seperti berikut:

- 24 daripada 25 dokumen hak milik tidak dibuat endorsan Kemasukan Rizab Melayu (KRM);
- berlaku satu urus niaga pindah milik kawasan penggantian TRM kepada bukan Melayu seluas 2.34 ha;
- berlaku satu penggantian TRM yang tidak sama syarat nyata tanah dan lima kawasan yang diganti tidak memenuhi kriteria *similar in character*;
- enam proses pewartaan/pengisytiharan TRM mengambil masa antara 25 hingga 51 bulan untuk disempurnakan;
- empat maklumat status bangsa di dalam Sistem Pendaftaran Tanah Bersepadu (SPTB) adalah mengelirukan; dan
- tiga kawasan TRM di atas tanah kerajaan telah diusahakan tanpa kebenaran di daerah Rembau yang melibatkan kawasan seluas 24.69 ha.

ii. Pengurusan Pembangunan Hartanah Perumahan

Penemuan utama Audit bagi aspek pengurusan aktiviti adalah seperti berikut:

- pulangan projek usaha sama adalah baik kerana YNS telah menerima sebanyak 73% pulangan yang sepatutnya diterima manakala PKNNS telah menerima keseluruhan pulangan projek usaha sama;
- terdapat kelemahan di dalam pemilihan tapak projek iaitu tapak projek perumahan terletak bersebelahan dengan tapak kuari yang masih beroperasi;

- pembangunan harta tanah perumahan bagi RMM Jenis A lewat dibina dan tiada syarat khusus menetapkan tindakan penguatkuasaan boleh diambil; dan
- proses pengisian mengambil tempoh masa antara 20 hingga 27 bulan dari tarikh tutup permohonan, melebihi tempoh ditetapkan iaitu 12 bulan.

1.2. Pengauditan Pematuhan

- i. Pada tahun 2021, pengauditan pematuhan jabatan/agensi dilaksanakan terhadap empat jabatan/agensi negeri. Antaranya ialah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS); Majlis Agama Islam Negeri Sembilan; Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan; dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sembilan.
 - ii. Hasil daripada pengauditan pematuhan tersebut hanya satu yang dilaporkan kerana mempunyai elemen 3P1K iaitu Pembelian Bahan Api dan Aksesori Kenderaan di JHEAINS.
 - iii. Pengauditan pematuhan mengenai pembelian bahan api dan aksesori kenderaan telah dilaksanakan di JHEAINS. Pengauditan ini meliputi semakan perbelanjaan berjumlah RM155,470 iaitu pembelian bahan api berjumlah RM42,758 dan penyenggaraan kenderaan berjumlah RM112,712 bagi tahun 2021. Hasil daripada pengauditan mendapati dua penemuan Audit seperti berikut:
 - tiada semakan dibuat antara Buku Log dengan penyata *SmartPay* dan didapati berlakunya pembelian bahan api sejumlah RM2,043 yang tidak teratur; dan
 - pembelian aksesori kenderaan sejumlah RM1,348 tidak selaras dengan kelulusan penyenggaraan kenderaan jabatan.
2. Keseluruhan syor audit yang diberikan oleh Ketua Audit Negara ialah 13 syor, iaitu empat kepada Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Sembilan (PTGNS)/Pejabat Daerah dan Tanah (PDT), lima kepada Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan (BPPSUKNS)/Yayasan Negeri Sembilan (YNS)/Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan (PKNNS) dan empat kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS).